

PEMERKASAAN PERANAN RUKUN TETANGGA (RT) DALAM PENCEGAHAN JENAYAH DI DAERAH MUALLIM, PERAK

Nurul Iman Iwan & Norhafiza Mohd Hed

nurulimaniwan@gmail.com

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Muhamad Sayuti Hassan @ Yahya

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

Article History:

Received: 30 May 2023

Accepted: 23 October 2023

Published: 27 December 2023

ABSTRAK

Kewujudan Rukun Tetangga (RT) dalam komuniti dilihat sangat membantu pihak berkuasa dalam melaksanakan tugas menjaga keamanan negara, khususnya dalam mencegah kegiatan jenayah yang berlaku di sekitar kawasan kejiranan. Oleh itu, kajian ini menyelidiki sejauhmanakah peranan yang dimainkan oleh RT dalam mencegah jenayah dengan memfokuskan analisisnya kepada latar belakang penubuhan dan peranan RT, menganalisis aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh RT dalam mengurangkan kadar jenayah di sekitar kawasan kajian iaitu di Daerah Muallim, Perak dan mencadangkan penambahbaikan dalam program-program pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh RT. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif menerusi temu bual dan analisis dokumen, dapatan kajian menunjukkan bahawa skop RT ini telah diperluaskan daripada hanya memfokuskan kepada keselamatan kejiranan, kepada pembangunan komuniti setempat dengan memberi keutamaan kepada perpaduan dan pemupukan semangat kejiranan. Selain itu, aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah yang dilaksanakan oleh RT tidak hanya mencakupi kegiatan rondaan di sekitar kawasan komuniti, tetapi termasuk juga aktiviti masyarakat seperti kempen pencegahan jenayah dan kesedaran keselamatan komuniti. Walaupun peranan RT sangat besar dalam mencegah jenayah di daerah Muallim, namun ianya perlu diperkasa dan diperkukuhkan dengan menubuhkan pondok-pondok keselamatan di setiap komuniti dan diwujudkan satu pusat RT yang aktif dalam menguruskan semua kegiatan dan program pencegahan jenayah bagi memastikan keselamatan komuniti di daerah Muallim ini.

Kata kunci: Pemeraksanaan, Peranan Rukun Tetangga, Pencegahan, Jenayah.

THE EMPOWERMENT OF THE ROLE OF RUKUN TETANGGA IN PREVENTING CRIMES IN THE MUALLIM DISTRICT, PERAK

ABSTRACT

The existence of Rukun Tetangga (RT) in the community is seen to be very helpful to the authorities in carrying out the task of maintaining national peace, mainly in preventing criminal activities that occur around the neighborhood. Therefore, this study investigates the extent of the role played by RT in crime prevention by focusing its analysis on the establishment and role of RT, analyzing the activities carried out by RT in reducing crime rates around the research area in Muallim District, Perak, and suggesting improvements in crime prevention programs implemented by RT. Using a

qualitative approach through interviews and document analysis, the findings show that the scope of RT has been expanded from just focusing on neighborhood safety, to local community development by giving priority to unity and fostering neighborhood spirit. In addition, the crime prevention activities implemented by the RT not only include patrol activities around community areas, but also include community activities such as crime prevention campaigns and community safety awareness. Although RT plays a significant role in crime prevention in Muallim district, but it needs to be empowered and strengthened by establishing security huts in each community and create a RT center that is active in managing all activities and crime prevention programs to ensure community safety in Muallim district.

Key words: *Empowerment, The Role of Rukun Tetangga, Prevention, Crime.*


PENGENALAN

Jenayah merupakan satu perbuatan yang melanggar sebarang peruntukan undang-undang ataupun meninggalkan sesuatu perbuatan yang menyebabkan seseorang disabitkan dalam jenayah serta undang-undang diambil untuk melaksanakannya. Perlakuan jenayah berlaku dalam bentuk global dan tidak hanya berlaku pada sesebuah negara sahaja, hal ini menyebabkan telah berlaku beberapa perubahan dalam Indeks Keamanan Global (GPI). Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan tangga dalam indeks GPI bagi beberapa negara ini ialah penubuhan program *Neighborhood Watch* atau program keselamatan komuniti. Negara-negara maju seperti US, UK dan Australia telah lama melaksanakan inisiatif untuk menjaga keselamatan komuniti di negara mereka. Walaupun nama program ini berbeza di pelbagai negara, dan adakalanya beroperasi di bawah struktur yang berbeza, namun matlamat utama program ini adalah sama iaitu untuk melibatkan penduduk tempatan dalam mencegah jenayah dan membangunkan kawasan yang lebih selamat melalui penglibatan dan kerjasama komuniti (Vasco, 2018). Misalnya, di US, awalnya mereka mengguna pakai istilah *USAonWatch* yang dilaksanakan sekitar tahun 1960an dan akhirnya menggantikannya kepada *National Neighborhood Watch* yang ditubuhkan pada tahun 1972 di bawah Jabatan Keadilan. Peranan utama program ini adalah untuk menekankan kepada pendidikan pencegahan jenayah. Kumpulan *Neighborhood Watch* biasanya memberi tumpuan kepada pemerhatian dan kesedaran sebagai cara untuk mencegah jenayah dengan menggunakan strategi yang merangkumi interaksi sosial, mengawasi antara satu sama lain, hingga rondaan aktif oleh kumpulan penduduk. Seperti US, UK juga menggunakan istilah *Neighborhood Watch* yang ditubuhkan pada tahun 1982 bertujuan untuk mewujudkan kejiranan selamat menerusi kerjasama dengan polis dan pihak berkuasa tempatan. *Neighborhood Watch* di UK kini telah menjadi gerakan pencegahan jenayah sukarela terbesar di Eropah.

Di Malaysia, laporan indeks keamanan global (2019) menunjukkan bahawa Malaysia berada di tangga ke-16 daripada 163 negara di dunia berbanding kedudukan ke-25 pada tahun sebelumnya. Ini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman tanpa sebarang ancaman dari dalam dan luar negara. Faktor utama yang menyumbang kepada pengukuhan keselamatan di Malaysia ini adalah kerana komitmen kerajaan dalam mempertingkatkan aspek keselamatan negara menerusi peranan yang dimainkan oleh pelbagai agensi kerajaan dan penguatkuasaan. Salah satunya adalah peranan yang dimainkan oleh Rukun Tetangga (RT). RT adalah sebuah institusi yang inklusif yang ditubuhkan pada 29 Ogos 1975 di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) dalam Ordinan Darurat 1969 (JPNIN, t.t). Awalnya, ia ditubuhkan bagi menjaga keselamatan penduduk di kawasan-kawasan tertentu di Semenanjung Malaysia yang berpotensi untuk menjadi kawasan ancaman rusuhan kaum pada tahun 1969. Kawasan pertama yang menjadi perintis skim ini ialah Kampung Kasipillay di Kuala Lumpur. Pada tahun 1985, skim ini mula diperkenalkan di Sabah dan tahun 1988 di Sarawak pula susulan daripada ancaman komunis. Namun, apabila keadaan di negara semakin baik dan bebas dari ancaman, fungsi dan peranan RT ini telah ditambah baik dan diperluaskan daripada keselamatan kepada peningkatan semangat kejiranan dan perpaduan setempat. Malah, kerajaan juga turut menguatkuasakan Akta Rukun Tetangga 2012 bagi memperkukuhkan lagi fungsi RT dalam pembangunan komuniti. Terkini, salah satu objektif yang ditekankan dalam Pelan Pemerkasaan

Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 ialah meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi program-program kesukarelawanan seperti program pencegahan jenayah (Kementerian Perpaduan Negara, 2021).

Peranan utama RT dalam mencegah jenayah di dalam komuniti setempat dilakukan menerusi strategi penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS). SRS ini ditubuhkan secara rasmi pada 21 Februari 2004 bertujuan untuk membantu pihak berkuasa termasuklah PDRM, RELA dan pihak berkuasa tempatan mencegah jenayah di komuniti masing-masing. Tugas-tugas anggota SRS ini tertakluk kepada Seksyen 18, Akta Rukun Tetangga 2012 iaitu meronda di kawasan RT yang telah ditetapkan, mengawal pusat kawasan dan mana-mana premis atau lokasi yang dikehendaki oleh pengarah. Sehingga Januari 2020, terdapat sebanyak 5,308 SRS yang aktif seluruh Malaysia di mana SRS yang paling banyak ditubuhkan adalah di Selangor dengan jumlah keseluruhan SRS adalah sebanyak 633, diikuti oleh Johor dengan 631 SRS dan Sarawak dengan 546 SRS (JPNIN, t.t). Meskipun telah banyak SRS yang ditubuhkan di seluruh negara, namun jika dilihat dari konteks indeks jenayah di Malaysia, kes-kes jenayah masih lagi tinggi di mana masih terdapat negeri-negeri yang merekodkan jumlah kes jenayah melebihi paras nasional.



Rajah 1.1: Nisbah Jenayah Indeks bagi 100,000 penduduk negeri, Malaysia, 2018-2019.

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020)

Rajah 1.1 menunjukkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) menunjukkan nisbah jenayah indeks bagi 100,000 penduduk di Malaysia dari tahun 2017 hingga 2019. Pada tahun 2019, tujuh buah negeri merekodkan jenayah indeks yang melebihi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (592.3), Selangor (304.3), Negeri Sembilan (295.4), Melaka (275.9), Pulau Pinang (295.0) dan Kedah (258.3). Selain itu, terdapat beberapa kadar jenayah yang masih tinggi khususnya dalam kes rasuah, rompakan, kecurian kereta, dadah, dan vandalisme. Persoalannya, mengapa kes-kes jenayah ini masih tinggi meskipun RT menerusi penubuhan SRS ini telah lama digerakkan dalam masyarakat? Adakah SRS ini tidak memainkan peranannya dalam mencegah jenayah di Malaysia? Jika dilihat, dalam konteks masyarakat khususnya ahli Rukun Tetangga (RT), aktiviti dan peranan RT itu sendiri kurang di fahami serta keterlibatan masyarakat terhadap RT juga tidak menggalakkan kerana beberapa faktor seperti faktor kekangan masa, faktor usia dan kurangnya kesedaran tentang kebersamaan komuniti. Impak daripada faktor yang wujud ini menyukarkan lagi masyarakat untuk terlibat secara aktif dengan aktiviti RT dan kesukarelawanan. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan pemeraksanaan peranan Rukun Tetangga dalam pencegahan jenayah di daerah Muallim, mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh RT dalam komuniti di daerah Muallim dan mencadangkan penambahbaikan aktiviti RT bagi mencegah jenayah di daerah

Muallim ini. Perbincangan ini penting kerana dapat mengisi kelompangan pada kajian lepas yang mana kajian mengenai RT lebih tertumpu kepada perpaduan tetapi tidak melihat kepada aspek peranan yang dimainkan oleh RT dalam mencegah jenayah. Justeru, kajian ini dapat menjelaskan peranan sebenar rukun tetangga dan perkasakan peranan ini dalam komuniti setempat.

ULASAN LITERATUR

Sorotan literatur ini dibahagikan kepada dua tema utama iaitu kajian lepas yang ditulis berkaitan dengan sejarah latar belakang Rukun Tetangga dan peranan RT dalam mencegah jenayah. Tema-tema utama ini dipilih berdasarkan daripada kajian-kajian lepas yang dirujuk. Bagi tema pertama iaitu sejarah latar belakang Rukun Tetangga, terdapat banyak kajian yang mengkaji tentang konsep pembentukan RT dan aktiviti yang dijalankan oleh RT secara mendalam seperti kajian Mohd Syarifudin et al. (2020), Budi Anto et al. (2019), Hamidah (2014), Wan Zumaiza et al., (2016) dan Mohd Syarifudin et al. (2017). Misalnya, kajian Mohd Syarifudin et al. (2020) mengkaji tentang konsep pembentukan RT dalam perspektif Islam di mana fungsi dan peranan yang dimainkan oleh RT ini, khususnya dalam fungsinya seperti mengenali jiran, melawat jiran, melakukan kegiatan bersama jiran adalah selari dengan apa yang telah dijelaskan dalam al-Quran. Semangat kejiranan dalam membentuk kesepaduan sosial adalah sangat ditekankan dalam Islam dan elemen-elemen berbuat baik sesama jiran ada di sentuh dengan jelas dalam ayat-ayat al-Quran. Selain itu, kajian Budi Anto et al. (2019) sedikit berbeza dengan kajian Mohd Syarifudin et al. (2020) kerana memfokuskan kepada sejauhmana penubuhan RT dalam melaksanakan peranannya untuk memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Dalam kajian ini, Budi Anto et al. menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi temu bual bersama pengerusi dan ahli aktif RT di Sabah dan hasil kajian mereka mendapati bahawa aktiviti yang dilaksanakan oleh RT seperti SRS dan Hari Keluarga jelas menjadi medium terpenting dalam memupuk kesepaduan sosial masyarakat setempat di Sabah. Kajian Mohd Syarifudin et al. (2017) juga selari dengan kajian Budi Anto et al. (2019) ini kerana melihat peranan RT sebagai satu medium dalam memupuk kesepaduan sosial masyarakat. Namun, metodologi penyelidikan yang digunakan adalah berbeza iaitu kaedah kuantitatif menerusi pengedaran soal selidik di 50 RT di Selangor seperti Kajang, Ampang, Hulu Langat dan Semenyih. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kegiatan yang dianjurkan oleh RT di komuniti terbabit berjaya memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan ketiga-tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India di mana ketiga-tiga kumpulan etnik ini mempunyai nilai kesepaduan sosial yang tinggi. Keseluruhannya, kajian-kajian lepas berkaitan dengan penubuhan dan aktiviti RT menunjukkan sememangnya RT memainkan peranan penting dalam membina kesepaduan sosial masyarakat, khususnya dalam meningkatkan perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum. Walaupun kajian-kajian ini memberi nilai tambah dan mengkaji penubuhan RT secara komprehensif, namun mereka tidak menumpukan kepada peranan RT dalam mencegah jenayah di Malaysia, seperti yang dikaji oleh kajian ini.

Terdapat beberapa kajian yang memfokuskan kepada peranan RT secara langsung atau tidak langsung dalam mencegah jenayah di Malaysia, misalnya seperti kajian Nur Hidayah et al. (2020) dan Nur Qurratul'Aini et al. (2018). Namun, kajian-kajian ini tidak menumpukan secara komprehensif kepada penubuhan RT dan peranannya sebagai medium pencegahan jenayah di Malaysia. Misalnya, kajian Nur Hidayah et al. (2020) mengaitkan faktor pemilihan perumahan komuniti berpagar dan berpengawal disebabkan oleh kejadian jenayah dengan RT. Secara lebih khusus, kajian ini mengkaji tentang perumahan komuniti berpagar banyak menjadi pilihan masyarakat bandar atas dasar keselamatan. Dengan menggunakan kaedah soal selidik yang diedarkan kepada masyarakat bandar di kawasan Johor Bahru, dapatan kajian merumuskan bahawa masyarakat bandar di kawasan ini lebih memilih untuk tinggal di kawasan komuniti berpagar dan mempunyai RT yang aktif kerana faktor keselamatan. Ini bermaksud, komuniti berpagar sahaja masih tidak mencukupi untuk memastikan keselamatan penduduk adalah terjamin, namun RT juga diperlukan bagi mencegah jenayah di kawasan setempat. Kajian Nur Qurratul'Aini et al. (2018) juga turut mengkaji tentang keselamatan masyarakat dengan menumpukan kepada keberkesanan kepolisan komuniti seperti Rakan Cop, RT, sukarelawan polis, dan Jabatan Pertahanan Awam (RELA) dalam mencegah jenayah. Dengan

menganalisis dokumen sedia ada, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan program kepolisan komuniti ini sangat membantu meringankan beban tugas PDRM dalam mencegah jenayah di Malaysia dan menunjukkan kerjasama yang baik antara pihak berkuasa dan masyarakat setempat. Kajian-kajian di atas secara tidak langsung melihat kepada kepentingan RT dalam mencegah jenayah. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini tidak memberi penekanan sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh RT dalam membantu pihak berkuasa mencegah jenayah di Malaysia. Oleh itu, tanpa mengurangi kelebihan kajian-kajian lepas ini, kajian ini akan mengisi kelompangan mereka dengan menyelidiki secara terperinci peranan RT dalam konteks pencegahan jenayah dengan menggunakan Daerah Muallim sebagai kawasan kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi temu bual dan analisis dokumen dalam usaha melihat pemeraksanaan peranan Rukun Tetangga dalam pencegahan jenayah di Daerah Muallim, Perak. Kaedah ini digunakan bagi tujuan triangulasi diantara data yang diperolehi menerusi temu bual bersama informan dengan data yang diperolehi buku, artikel, surat khabar atau sebagainya bagi mengesahkan dan menjawab persoalan kajian. Populasi dan sampel yang digunakan dalam kajian adalah ahli RT yang aktif dan masyarakat setempat di daerah Muallim. Informan yang ditemu bual dalam kajian ini adalah seramai lima informan yang terdiri daripada golongan dewasa dan warga emas dalam lingkungan usia 37 tahun sehingga 60 tahun. Sampel ini dipilih menerusi kaedah persampelan bertujuan dengan mengambil kira pengalaman dan pengetahuan informan berkaitan dengan peranan dan aktiviti RT. Temu bual ini dilaksanakan dari bulan Jun hingga Disember 2019. Dalam kajian ini, data sekunder turut digunakan bertujuan untuk menyokong data primer yang diperolehi bagi memperkukuhkan hujah dan perbincangan berkaitan dengan persoalan kajian. Data ini diperolehi melalui kajian kepustakaan yang dijalankan di beberapa buah pustakaan universiti awam dan kajian-kajian lepas yang diperolehi daripada atas talian (*online*).

DAPATAN KAJIAN

LATAR BELAKANG DAN PERANAN RUKUN TETANGGA

Rukun Tetangga merupakan satu program sukarela yang bertujuan untuk membantu dalam pembangunan masyarakat setempat di Malaysia. Konsep program ini hampir sama seperti *Neighbourhood Watch* seperti yang diamalkan di United Kingdom. Rukun Tetangga diperkenalkan pada tahun 1975 berikutan dengan kuat kuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga 1975). Pada dasarnya, Rukun Tetangga membolehkan penduduk mengawal sendiri keselamatan di kawasan kediaman masing-masing. Rukun Tetangga ini diwajibkan kepada mereka yang berumur antara 18 hingga 55 tahun. Rukun Tetangga di Malaysia telah berusia lebih 30 tahun. Dalam usia ini, RT telah mengalami beberapa transformasi, sesuai dengan perubahan zaman dan modenisasi negara. Mahani Abu Bakar (2008) menyatakan bahawa RT sekarang ini adalah lebih berkonsepkan pembangunan komuniti berbanding dengan RT pada masa dulu yang lebih berkonsepkan kejiranan dan keselamatan setempat. Namun begitu, konsep kejiranan masih diterapkan dan tidak diabaikan, selaras dengan matlamat Rukun Tetangga yang mengutamakan perpaduan dan semangat kejiranan.

Antara perubahan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan kepada RT khususnya dalam konteks pencegahan jenayah di Malaysia termasuklah dengan menggalakkan penglibatan lebih aktif komuniti setempat dalam pengawasan dan pelaporan aktiviti mencurigakan. Selain itu, kerjasama diantara RT dan pihak polis juga dipertingkatkan, khususnya dari segi pertukaran maklumat dalam usaha mencegah jenayah. Bagi kawasan yang berisiko tinggi, RT digalakkan meningkatkan proses pelaporan kejadian jenayah dan aktiviti mencurigakan serta memastikan tindakan segera dan efektif daripada pihak berkuasa setelah penerimaan laporan (Mohd Syarifuddin et al., 2022). Kerajaan juga

turut memperkasakan pendidikan dan kesedaran pencegahan jenayah dalam kalangan masyarakat menerusi latihan dan kempen kesedaran yang dilaksanakan secara bersasar dan berkala mengikut kawasan setempat.

Peranan RT dalam mencegah jenayah melihat kepada peranan pihak berkuasa, peranan masyarakat dan peranan kepimpinan iaitu peranan pengerusi itu sendiri. Peranan Pihak Berkuasa Jenayah adalah fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan. Menurut Durkhien (1995), jenayah merupakan satu gejala semulajadi dan mempunyai peranannya tersendiri di dalam sesebuah masyarakat. Kawalan sosial yang tidak terkawal dan perhubungan sesama manusia adalah antara faktor yang mempengaruhi peningkatan kadar jenayah (Vago, 1991, Wikstrom, 1991 dan Sheley, 1995). Pihak polis akan bertindak secara sistematik untuk mengurangkan kadar jenayah manakala, masyarakat pula perlulah berusaha meningkatkan tahap pencegahan jenayah bagi membendung kejadian jenayah di kawasan kejiranan. Walau bagaimanapun sebahagian masyarakat masih meletakkan beban sepenuhnya dalam pengurusan jenayah kepada polis. Pembentukan sebuah negara yang aman dan sejahtera adalah peranan setiap lapisan komuniti yang turut memainkan peranan dengan menegur, melaporkan dan mencegah dari isu jenayah tersebut berleluasa.

Komuniti juga bertanggungjawab untuk melakukan kejadian jenayah di kawasan mereka sebagaimana yang termaktub dibawah Seksyen 13(1) Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) memperuntukan orang ramai untuk memberi maklumat berhubung perkara-perkara seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen (1)(a) KPJ iaitu kesalahan-kesalahan terhadap Negara, kesalahan-kesalahan terhadap ketenteraman awam, kesalahan-kesalahan mengenai tubuh badan, perculikan, melarikan orang, keabdian, kerja paksa, rogol, sumbang mahram, perbuatan luar tabii, mencuri, pemerasan, rompak, khianat, pencerobohan jenayah dan pecah rumah.

Peranan masyarakat setempat sememangnya sangat perlu dan peranan mereka juga adalah sangat kuat dalam mencegah jenayah yang berlaku di sekitar kawasan kejiranan untuk membina sebuah pasukan yang kuat, sikap dan semangat kesukarelaan sangat penting kerana dapat memupuk dan mengembangkan nilai, amalan kerjasama dan perpaduan, demokrasi, hak-hak asasi manusia dan keadilan sosial dalam masyarakat, menurut Aziz (Dalam Hamidah, 2014). Kerja sukarela ini yang melibatkan orang ramai dalam hal-hal kepentingan bersama merupakan suatu jaminan politik bahawa nilai dan amalan hidup yang dianggap secocok dengan perkembangan tamadun manusia itu dapat dipertahankan dan dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat.

Seterusnya, peranan pengerusi (kepimpinan) Persepsi komuniti setempat terhadap amalan komunikasi kepimpinan Rukun Tetangga (RT) yang berurusan secara langsung dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional akan diberikan perhatian. Kajian literatur banyak menunjukkan tentang peranan dan kepuasan gaya komunikasi kepimpinan serta tahap komitmen yang memberi banyak pengaruh dan implikasi kepada seseorang dalam komuniti RT. Abdul Aziz (2010) menjelaskan kemahiran komunikasi yang baik yang ada pada pemimpin akan membolehkannya berinteraksi dengan berkesan. Dalam konteks ini, keberkesanan gaya komunikasi dan komitmen kepimpinan RT akan memberi impak pada penglibatan serta sokongan komuniti setempat terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh RT. Bagi merealisasikan keharmonian masyarakat pelbagai kaum, sudah pasti kerajaan memerlukan satu jentera pengurusan RT yang cemerlang dan berwibawa. Kerajaan sewajarnya tidak boleh berkompromi dengan ketidakcekapan dan kelemahan dalam kepimpinan RT yang amat penting ini.

AKTIVITI YANG DI JALANKAN OLEH RUKUN TETANGGA DI DAERAH MUALLIM, PERAK

Dalam menjaga keamanan dan keselamatan sesebuah kawasan kejiranan daripada berlakunya jenayah yang tidak diinginkan, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) perlulah giat menjalankan aktiviti-aktiviti yang membolehkan kawasan kejiranan yang didiami selamat dari sebarang jenayah dan anasir luar. Dalam bahagian ini, kajian menjelaskan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di kawasan Rukun Tetangga (RT) iaitu KRT Malim Prima 2 dan KRT Tanjung Malim bagi membendung kegiatan jenayah dari terus berleluasa dan menggugat keselamatan penduduk setempat.

AKTIVITI RONDAAN

Aktiviti rondaan merupakan aktiviti yang agak sinonim dengan Rukun Tetangga (RT) di mana aktiviti ini dilakukan oleh Skim Rondaan Sukarela atau lebih dikenali sebagai SRS. Melalui temu bual yang dilakukan terhadap informan, jawapan yang diberikan oleh informan 1 ialah beliau menyatakan bahawa terdapat banyak aktiviti yang boleh dilakukan dalam membendung jenayah daripada terus berlaku dan tanpa ada kawalan sehingga mampu meragut nyawa masyarakat setempat. Menurut beliau lagi aktiviti seperti rondaan juga dapat mengurangkan kadar jenayah sekaligus dapat mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku:

“..jom ronda rondaan bersama komuniti kita panggil polis ha JPAM untuk buat program bersama, Kita kerapkan buat rondaan ha dalam masa yang sama juga kita buat group whatsapp ya sepatutnya kalau dalam kumpulan sesuatu yang mencurigakan kita akan maklum dalam group tu. ...”. (Informan 1)

Menurut informan 1 mengenai aktiviti rondaan yang dijalankan sememangnya ianya mampu memupuk perpaduan dan kerjasama yang kuat dalam mencegah jenayah di kawasan kejiranan malah dapat menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa secara tidak langsung. Menurut Informan 1:

“...ok kita melakukan rondaan, rondaan yang berkala dalam masa sama juga kita buat program jom ronda bersama polis ha begitu juga dengan ha hubungan kita dengan pihak polis dan kita sentiasa berhubung ada benda-benda yang mencurigakan kita terus maklumkan kepada pihak polis. Macam baru-baru ini seperti yang saya katakan ha orang yang kita mencurigakan ha macam ada kehilangan, polis dia buat roadblock dekat kawasan kita. Tujuan dia salah satu orang boleh tahu eh kawasan ini ada polis buat rondaan kawasan ni mungkin kawasan selamat dari penjenayah jadi dekat situ pun salah satunya yang kita rasa boleh menakutkan orang na buat benda-benda yang tidak sepatutnya. ...”.

Menurut temu bual yang dijalankan terhadap informan ke-3 iaitu di KRT Tanjung Malim agak berbeza dengan KRT Kota Malim Prima 2, hal ini demikian kerana KRT ini tidak mempunyai pusat dalam melakukan rondaan bagi mengelakkan jenayah dari terus berlaku. Namun demikian, langkah telah diambil bagi membendung jenayah yang tidak diinginkan berlaku di mana KRT ini turut mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa seperti Polis untuk memantau sekitar kawasan kejiranan mereka. Menurut informan ke-3, “...Kita terlibat dengan Balai Polis TG malim dan Slim River. ...”. Beliau juga turut menyatakan antara jenayah yang kerap kali berlaku di kawasan RT tersebut bukanlah jenayah berat sehingga meragut nyawa tetapi jenayah tersebut boleh disabitkan kesalahan seperti mencuri.

“...pecah rumah pecah kereta dia tak selalu lah tapi hilang motor macam tu hilang pokok eh apa penagih dadah yang ramai kecurian apa basikal ka curi rumah masuk ambik barang yang apa dia masuk macam tu lah ada jalha. ...”

Kecurian yang berlaku di luar kawasan rumah di mana setakat ini tidak ada lagi kes-kes berat yang dilaporkan di kawasan RT tersebut. Namun apabila adanya pusat untuk RT ini bertindak maka RT ini dapat menjalankan aktiviti rondaan sekali gus dapat mencegah jenayah ini daripada terus berleluasa dalam kalangan masyarakat di mana RT ini hanya memerlukan bantuan pihak berkuasa bagi aktiviti pemantauan di kawasan sekitarnya. RT ini juga giat menjalankan hubungan dengan pihak berkuasa seperti PDRM bagi membendung masalah jenayah yang wujud dalam KRT. Selain dari pencegahan jenayah yang digerakkan oleh pihak kerajaan, pihak PDRM dan pihak berkuasa, komuniti turut perlu memainkan peranan dalam usaha pencegahan jenayah. Kerjasama masyarakat dan polis adalah penting kerana hubungan polis dengan masyarakat mempengaruhi keadaan jenayah dan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat.

Aktiviti rondaan yang dilakukan dengan kerap pada waktu malam dan pagi secara langsung akan mengurangkan kadar jenayah dalam kawasan kajian malah bukan itu sahaja pengurangan kadar jenayah juga turut menurun secara tidak langsung impak daripada aktiviti rondaan yang dijalankan. Aktiviti rondaan yang dilakukan oleh KRT ini merupakan inisiatif yang berkesan dalam membendung kegiatan jenayah yang tidak diingini berlaku dalam kawasan kejiranan, rondaan dilakukan di sekitar kawasan perumahan kejiranan, kawasan-kawasan yang sering menjadi kawasan kegiatan jenayah serta melakukan *roadblock* ataupun sekatan jalan raya seperti yang dilakukan oleh KRT Kota Malim Prima 2. Keadaan ini secara tidak langsung akan membantu pihak berkuasa membanteras kegiatan-kegiatan jenayah yang berlaku di sekitar kawasan RT.

AKTIVITI KEMASYARAKATAN

Selain dari aktiviti rondaan yang agak sinonim dengan Rukun Tetangga (RT), terdapat pelbagai lagi aktiviti yang dijalankan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang dikaji misalnya dari aspek kemasyarakatan yang mana dilihat bukan sahaja mampu untuk mencegah jenayah di sekitarnya malah mampu memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbeza agama baik Islam, Kristian, Buddha, Sikh dan sebagainya malah ianya juga mampu mengeratkan hubungan silaturrahim antara masyarakat yang mempunyai pelbagai lapisan umur seperti kanak-kanak, orang dewasa dan warga emas.

Melalui temu bual yang dijalankan mengenai aktiviti kemasyarakatan, informan 5 menyatakan bahawa KRT mereka bukan hanya menjalankan aktiviti rondaan semata-mata malah, ahli KRT ini turut melakukan pelbagai jenis aktiviti. Bagi aktiviti rondaan pula beliau menjelaskan bahawa,

“...itu kalau kita nak kirakan aktiviti tu dia banyak jenis aktiviti. Kalau kita nak cerita aktiviti harian kita tu, kita memantau kawasan kita tu pun dah kira aktiviti juga antara unit skim rondaan ni. Dalam dua tiga hari ni kita kata esok orang pecah rumah contohnya ha jadi kita akan gerakkan kita punya anggota ataupun SRS untuk memantau kawasan kita ha itu yang harian punya. Dalam masa tu kita ada juga rondaan malam, buat masa ni kita ramai yang bekerja kita buat dalam dua hari sama ada dalam minggu pertama ataupun minggu kedua minggu keempat ha kita buat rondaan. Kita mula pada pukul 10 malam sampai dua tiga pagi tulah. ...”. (Informan 5)

Kenyataan di atas turut di sokong dengan kenyataan yang diberikan oleh informan 3:

“...aktiviti ha selalu, selain rondaan kita ada buat ceramah jemput itu pegawai polislah bagi ceramah terus kepada komuniti bukan setakat ajk kita ja setiap rukun tetangga pernah buat sekurang-kurang setahun sekali kita buat...”. (Informan 3)

Menurut informan ke-3, selain aktiviti ceramah yang dilakukan di mana ceramah tersebut berkisarkan mengenai langak-langkah menjaga kawasan sekitar dan mencegah jenayah aktiviti lain yang mampu menarik minat orang ramai ialah dengan melakukan aktiviti-aktiviti kesihatan. Menurut beliau:

“...Jabatan lah dekat ipoh dia akan datang untuk latih kita yang kurang-kurang ada 20 orang ahli dia punya syarat. Aktiviti komunitilah kita buat kempen derma darah macam buat program untuk wanita ha gotong royong untuk wabak itu denggi lagipun itu macam mesra sehari dengan warga emas ka macam anak yatim ka ataupun untuk sekolah ha semualah. ...”

Hal ini menjelaskan bahawa, penglibatan semua lapisan umur dan masyarakat bukan penghalang untuk terus melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti ini dan ianya juga sekaligus dapat mewujudkan perpaduan yang sedia ada di samping dapat berkenal-kenalan dengan masyarakat setempat. Seperti yang dipaparkan di portal JPNIN aktiviti yang dijalankan seperti kempen pencegahan jenayah dan keselamatan komuniti Kawasan Rukun Tetangga Taman Bukit Sireh

Parlimen Kuala Krai Tahun 2017 merupakan Program Touch Point Kempen Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti, Parlimen Kuala Krai Tahun 2017 dengan kehadiran AJK KRT dan Ahli SRS Taman Bukit Sireh.

Dalam sebuah kajian kes kajian temu bual ini turut disokong oleh kajian lepas di mana menurut Meor (2010), aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh KRT secara relatifnya menjana penyertaan masyarakat tanpa mengira kelas sosial. Ianya bertujuan untuk memperkukuhkan kelompok komuniti dalam kawasan kejrangan yang mampu mencernakan keakraban dan keutuhan ikatan perpaduan di antara mereka. Hal ini jika dilihat, penyertaan masyarakat setempat dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KRT sememangnya mampu menarik minat orang ramai untuk turut serta baik dari golongan seusia 7 tahun sehinggalah umur yang menjangkau warga emas malah apa yang menariknya aktiviti ini bukan sahaja di sertai oleh pelbagai lapisan umur namun, turut di hadiri oleh mereka yang berlatarbelakangkan bangsa dan agama yang berbeza tanpa melihat jurang perbezaan mereka.

Di dalam KRT terdapat beberapa kelompok komuniti di mana kelompok ini terdiri mengikut lapisan umur dan jantina serta aktiviti yang berbeza. Kelompok komuniti diperkenalkan sebagai satu langkah memperkasakan lagi Rukun Tetangga dengan penglibatan pemastautin setempat mengikut peringkat umur seperti Jiran wanita, Jiran Muda, Jiran usia emas dan Tunas jiran. Jiran wanita diwujudkan dengan tujuan untuk membantu usaha jawatankuasa Rukun Tetangga mempelbagaikan dan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti dalam kawasan Rukun Tetangga selain merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti khusus bagi kaum wanita di kawasan Rukun Tetangga dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti.

Kesemua aktiviti yang dijalankan ini melibatkan penglibatan yang aktif dari masyarakat ini bukan sahaja dapat memelihara keharmonian di antara penduduk malah sekaligus dapat mengukuhkan lagi perpaduan yang sedia ada. Menurut informan 4, "...dia banyak aktiviti yang lagi satu dekat ketoyong dia ikut ni dia banyak aktiviti macam buat *tai chi* dekat Proton tu. ...". Kenyataan yang diberikan oleh responden keempat membuktikan bahawa dalam jiran wanita itu sendiri mempunyai aktiviti untuk mereka bersama-sama menjaga kesihatan dan berkomunikasi secara langsung antara mereka selain dapat mewujudkan kesefahaman dalam kalangan ahli RT.

Selain itu, Jiran muda diwujudkan dengan tujuan membantu Rukun Tetangga mewujudkan peluang kepada penduduk setempat bertemu, berkenalan dan menjalinkan perhubungan baik diantara satu sama lain selain itu memberi latihan kepimpinan dan perkembangan jasmani, rohani, emosi dan sosial. Antara aktiviti yang di lakukan seperti sukan, pendidikan, kebajikan, bimbingan serta kewangan. Namun, penglibatan golongan muda di dalam RT amat kurang dan mereka lebih berminat kepada aktiviti sukan sahaja. Bagi program Jiran Usia Emas yang melibatkan golongan usia emas di dalam kegiatan kejrangan ini memberi peluang kepada golongan ini berinteraksi antara satu sama lain dan membuktikan bahawa mereka merupakan golongan yang masih boleh menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat. Antara aktiviti mereka ialah, majlis perjumpaan Muhibbah, Taichi dan khidmat tenaga pengajar sukarela khidmat kaunseling. Kenyataan ini di sokong oleh informan 4:

"...lebih masa sebab akak suka ativiti macam RT buat ni sebab kita boleh pergi melawat, buat aktiviti gotong royong...buat tu buat ni. Contohnya macam perayaan Deepavali ni, kami buat sambutan untuk Deepavali ni pada bulan 11 ni. ..."

Akhir sekali program Tunas jiran yang merangkumi golongan kanak-kanak peringkat usia Tabika sehingga sekolah rendah. Ia ditubuhkan untuk memberi peluang kepada golongan kanak-kanak berinteraksi dan berkenal-kenalan antara satu sama lain melalui aktiviti berikut, tabikarama, pertandingan melukis dan mewarna, rekreasi dan sukan. Informan ketiga turut menyatakan bahawa RT beliau turut menjalankan aktiviti Tunas jiran iaitu:

"...kita buat aktiviti sukan seperti hari keluarga ada aktiviti mewarna untuk kanak-kanak masa tu ada orang muda tapi kita tak dapat ahli yang tetap tiap-tiap tahun macam tu ada program derma darah baru ada orang muda. ..."

Hal ini membuktikan bahawa, aktiviti yang dijalankan di bawah RT ini sebenarnya tidak mengira usia dan bangsa. Justeru itu dengan adanya aktiviti yang pelbagai ini ianya akan meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai penubuhan RT dan sedar akan peri pentingnya ia dalam masyarakat supaya lebih ramai lagi masyarakat untuk meyertai RT sama-sama menjaga kemanan dan keharmonian kawasan sekitarnya. Menurut Sanusi Osman (1985), semangat kejiranan sebenarnya wujud tetapi bersifat terpendam. Perkara ini dapat diperhatikan daripada aspek-aspek seperti wujudnya hubungan yang baik antara jiran tetangga, tidak adanya prasangka antara satu sama lain dan kesediaan untuk memberi pertolongan jika jiran menghadapi kecemasan. Rendahnya paras interaksi sosial antara jiran tetangga adalah disebabkan oleh sikap masing-masing yang mengutamakan kebebasan peribadi dan tidak suka mengganggu jiran.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA DI DAERAH MUALLIM, PERAK

Peranan utama Rukun Tetangga (RT) ialah menganjurkan kumpulan-kumpulan rondaan yang bertugas pada waktu malam untuk mengurangkan kegiatan jenayah di sekitar kawasan kejiranan. Anggota kumpulan rondaan biasanya dianggotai oleh ahli-ahli masyarakat di kawasan kejiranan tersebut. Hal ini disokong kuat dengan pernyataan yang diberikan oleh informan pertama:

“...itu kalau kita nak kirakan aktiviti tu dia banyak jenis aktiviti. Kalau kita nak cerita aktiviti harian kita tu, kita memantau kawasan kita tu pun dah kira aktiviti juga di antara unit skim rondaan ni. Dalam dua tiga hari ni kita kata esok orang pecah rumah contohnya ha jadi kita akan gerakkan kita punya anggota ataupun SRS untuk memantau kawasan kita ha itu yang harian punya. Dalam masa tu kita ada juga rondaan malam, buat masa ni kita ramai yang bekerja kita buat dalam dua hari sama ada dalam minggu pertama ataupun minggu kedua minggu keempat ha kita buat rondaan. Kita mula pada pukul 10 malam sampai dua tiga pagi tulah. ...”

Selain dari melakukan aktiviti-aktiviti rondaan KRT juga boleh menjalankan aktiviti yang pelbagai bagi memberi pendedahan kepada orang ramai dan memberi kesedaran akan peri pentingnya hidup dalam bermasyarakat. Ianya turut dinyatakan oleh informan ketiga:

“...aktiviti ha selalu, selain rondaan kita ada buat ceramah jemput itu pegawai polislah bagi ceramah terus kepada komuniti bukan setakat ajk kita ja setiap rukun tetangga pernah buat kurang-kurang setahun sekali kita buat macam saya rondaan saya tidak buat sebab kawasan saya luas berbanding kawasan RT yang lain. ...”. (Informan 3)

Hal ini memperlihatkan bahawa pelbagai aktiviti yang boleh diambil kira dalam Rukun Tetangga bukan sekadar terhad kepada aktiviti Rondaan semata-mata yang dilakukan oleh Skim Rondaan Sukarela (SRS) malah pelbagai jenis aktiviti yang dilakukan dan ianya dikategorikan kepada beberapa jenis aktiviti seperti sukan, rekreasi, sosial, kebajikan, kebudayaan, pendidikan, keselamatan dan sebagainya dan bilangan aktif sesebuah RT di tentukan kepada berapa kerap RT tersebut menjalankan aktiviti atau program yang melibatkan masyarakat. Hal yang sama turut di katakan oleh beliau:

“...SRS itu untuk ha rondaan yang barulah so dia memang ada peruntukkan elaun insurans lepas tu team peralatan di jabatan perpaduan lah kalau nak gunakan peralatan kena ambik dekat jabatan lah dekat ipoh dia datang untuk latih kita yang kurang-kurang ada 20 orang ahli dia punya syarat.aktiviti komunitilah kita buat kempen derma darah macam buat program untuk wanita ha gotong royong untuk wabak itu denggi lagipun itu macam mesra sehari dengan warga emas ka macam anak yatim ka ataupun untuk sekolah ha semualah. ...”. (Informan 3)

Kini, peranan dan fungsi Rukun Tetangga telah diperluaskan dengan memperbanyakkan aktiviti yang memberi manfaat kepada penduduk setempat. Setiap Kawasan Rukun Tetangga digalakkan menganjurkan seberapa banyak kegiatan berbentuk kemasyarakatan, kebajikan, kesihatan dan alam sekitar, sosial, kesukanan, rekreasi, kesenian, keselamatan dan pendidikan selain program-program yang boleh meningkatkan perpaduan dan integrasi kaum. Sehingga Mei 2006 sebanyak 3,228 kawasan Rukun Tetangga telah ditubuhkan di seluruh negara dan sebanyak 36, 029 aktiviti komuniti dijalankan antara bulan Januari hingga Mei 2006 (Syamsul Amri, 2007). Keadaan ini selari dengan anjuran Islam yang mengalakkan hubungan baik sesama manusia sama ada sesama muslim mahupun masyarakat bukan seagama.

PONDOK KAWALAN KESELAMATAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap keempat-empat informan mengenai cadangan penambahbaikan aktiviti bukan satu masalah yang besar dan kebanyakan aktiviti yang dijalankan oleh KRT kajian sangat menarik minat untuk masyarakat setempat untuk menyertainya dan kedua-dua KRT yang di kaji ini merupakan KRT terbaik di Daerah Muallim. Namun, apa yang menjadi masalah kepada sesetengah aktiviti sukar dijalankan dan kemudahan-kemudahan tertentu yang diinginkan sukar diperolehi ialah dari segi masalah kewangan. Kenyataan ini diberikan oleh responden sendiri yang merupakan pengurus Rukun Tetangga iaitu informan pertama:

“...Penambahbaikan ya kita kalau KRT ni banyak duit macam-macam kita nak buat mungkin salah satu kita buat ha kawalan keselamatan kita buat pondok untuk sekuriti mungkin secara berbayar ataupun KRT yang tanggung kalau ada sekuriti memang lagi baguslah kawalan tu tapi tu kita tengok ada sesetengah tempat yang dah sama ada kita buat yuran untuk setiap rumah. Kita juga dah buat sticker yang menyatakan kita ni orang KRT kawasan ini jadi mudah na kenal pasti kereta keluar masuk Cuma sekarang ni kita hanya membuat rondaan dua minggu sekali dan juga untuk meningkatkan lagi kita akan daftarkan rumah dekat sekuriti kawasan rumah ni merupakan KRT dan bagi memelihara keselamatan tapi yang tu kita kena buat yuranlah...”.
(Informan 1)

Dalam petikan tersebut menyatakan bahawa KRT ini sanggup mengeluarkan wang sendiri kerana kekurangan wang yang diberikan melalui geran yang diberikan oleh JPNIN tidak mampu untuk menampung kos perbelanjaan untuk aktiviti sukarelawan ini di mana mereka sendiri sanggup mengeluarkan wang membina pondok kawalan keselamatan demi memelihara kesejahteraan penduduk setempat namun, di sebabkan kekangan kewangan yang diberikan ianya menyukarkan KRT ini melakukan pelbagai pembaharuan terhadap prasarana yang ingin disediakan kerana jumlah KRT paling aktif sebanyak RM 6000 setahun dan wang tersebut di gunakan untuk program dan aktiviti yang lain dan menyebabkan KRT ini mengeluarkan idea untuk menubuhkan pondok kawalan keselamatan dengan menggunakan wang sendiri.

PUSAT KAWASAN RUKUN TETANGGA

Setiap pertubuhan yang diwujudkan memerlukan sekurang-kurangnya pusat untuk menjalankan segala bentuk kegiatan serta tempat untuk menyimpan barangan yang berkaitan untuk kegunaan persatuan. Hal ini memudahkan segala bentuk program dapat dijalankan dimana pihak penganjur tidak perlu memikirkan tempat untuk melakukan perbincangan di tempat lain selain itu, dapat mengurangkan kadar kos sewa tempat untuk menjalankan sesuatu program. Justeru itu, pusat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sememangnya perlu ada untuk ahli Rukun Tetangga (RT) dalam melaksanakan gerak kerja mereka dengan lancar dan baik.

Melalui temu bual dari kedua-dua informan ini menyatakan benda yang sama iaitu masalah kewangan untuk membina pondok kawalan keselamatan untuk memeriksa orang keluar masuk dalam kawasan RT mereka agar kawasan RT tersebut sentiasa dalam keadaan aman dan sejahtera tanpa ada masalah jenayah yang tidak diinginkan berlaku sehingga mampu meragut nyawa masyarakat setempat. Hal ini di sokong oleh informan ketiga dengan menyatakan:

“...saya ha saya rasakan KRT bukan hanya rondaan ja tau cuma eksen saja saya rasakan dia kena ada pusat dia kena ada kelas kelas pendidikan ataupun selalu buatlah komuniti itu buat apa itu ha mesyuarat program santai pakailah masa itukan untuk memberi apa cadangan ka apa ka untuk membangunkan kawasan masing-masing ka menanamkan sayang kampung ka sayang negara supaya itu satu cara kurangkan jenayahlah lepas tu papan mark pun takda orang tak tahu ni kawasan RT ka ibu bapa itu penting main peranan lah untuk galakkan anak-anak terlibat kalau masing-masing jaga family I rasa jenayah dapat berkurang tapi Tanjung Malim susah takda pusat takda dewan ini pusat warga emas kita selalu buat program dekat sini. ...”.
(Informan 3)

Menurut informan ketiga pula menyatakan bahawa kawasan informan tidak mempunyai dewan untuk melakukan aktiviti seperti mesyuarat dan sebagainya dan terpaksa menggunakan kawasan Jiran Emas untuk melakukan aktiviti yang berkaitan dengan RT. Hal ini menunjukkan bahawa geran tahunan yang diberikan oleh JPNIN setahun tidak mencukupi untuk menyediakan kemudahan untuk menjalankan kegiatan RT di kawasan kajian. Keadaan yang dialami oleh kedua-dua RT ini ialah masalah kewangan dari segi pelaksanaan aktiviti kedua-dua RT ini tidak mempunyai masalah dan merupakan KRT terbaik di daerah Muallim tetapi masalah kewangan yang menyukarkan kerja menjaga keselamatan masyarakat setempat sehingga sanggup mengeluarkan wang sendiri demi kesejahteraan penduduk.

Berdasarkan daripada cadangan yang diajukan oleh kedua-dua Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ialah, kewujudan pondok kawalan keselamatan serta pusat KRT. Penambahbaikan daripada cadangan ini ialah untuk mengurangkan berlakunya kadar jenayah dalam kalangan masyarakat yang pada hari ini dilihat semakin berleluasa terutamanya dalam kalangan anak muda. Oleh itu, bagi mengatasi masalah yang tidak diingini berlaku kedua-dua KRT ini ingin mewujudkan pondok kawalan keselamatan bagi mengenal pasti sama ada orang yang keluar masuk merupakan penduduk KRT tersebut atau sebaliknya sekaligus mengurangkan kes-kes jenayah dalam kawasan KRT seperti pecah rumah, merompak, mencuri dan sebagainya. Selain itu, pusat KRT pula adalah untuk menjalankan perbincangan yang berkaitan dengan masalah-masalah yang wujud, perancangan aktiviti-aktiviti yang dilakukan bagi mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan masyarakat serta dapat mengeratkan silaturrahim antara ahli RT.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, Rukun Tetangga (RT) sememangnya merupakan satu badan sukarela yang memainkan peranan yang sangat penting dalam memelihara keamanan, kesejahteraan serta memupuk semangat perpaduan dalam kalangan komuniti setempat. Antara kegiatan yang dilakukan dalam mencegah jenayah adalah menerusi penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS). Walaupun objektif dan pelaksanaan program ini amat baik dalam usaha membendung jenayah di dalam komuniti, namun ianya tidak mendapat sambutan yang menggalakkan, terutamanya dalam kalangan golongan belia untuk menjadi sukarela dalam program-program yang dilaksanakan oleh RT. Misalnya, di Daerah Muallim ini dapat dilihat masalah ketiadaan satu pusat setempat atau *one-stop centre* untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti RT bersama masyarakat menyebabkan hebahan dan pelaksanaan program pencegahan jenayah yang dirancang tidak berjalan dengan lancar dan kurang mendapat sambutan.

Malah, ketiadaan pondok kawalan keselamatan menyukarkan sukarelawan dalam RT ini untuk menjalankan tanggungjawab mereka mengawal kawasan, sekaligus melambatkan usaha membendung kegiatan jenayah dan masalah sosial dalam komuniti. Oleh itu, kerjasama yang dimainkan oleh semua pihak termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat adalah amat diperlukan bagi membantu pihak berkuasa dan RT mencegah jenayah. Selain itu, model terbaik SRS perlu diambil sebagai contoh oleh RT di Tanjung Malim bagi memastikan kadar jenayah di kawasan setempat berjaya dikurangkan. Misalnya, RT di kawasan Taman Sri Impian, Bukit Mertajam dan RT di kawasan Taman Mawar, Pasir Gudang telah menjalankan projek inovasi melalui penggunaan sistem *Unity Alarm* iaitu siren penggera yang akan dibunyikan apabila terdapat kes kecemasan,

jenayah dan aktiviti yang mencurigakan di kawasan setempat. Hasilnya, penggunaan *Unity Alarm* ini berjaya mengurangkan kes jenayah di kawasan terlibat dan menunjukkan ianya berkesan bagi memastikan kawasan kediaman adalah terkawal dan selamat.

BIODATA

Nurul Iman Iwan merupakan pelajar Sarjana Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Norhafiza Mohd Hed merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Email: norhafiza@fsk.upsi.edu.my*

Muhamad Sayuti Hassan @ Yahya merupakan Pensyarah Kanan dan Pengerusi *Centre for International Law and Siyar* (CILAS) Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Email: sayutihassan@ukm.edu.my*

RUJUKAN

- Abdul Aziz, H. (2010). *Panduan umum Undang-Undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Budi Anto, M.T., Mohd Sohaimi, E., Dayu, S., Yusten, K. (2019). Rukun Tetangga dalam konteks kesepaduan sosial di Pantai Barat Sabah: Suatu tinjau awal. Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan kali ke-2 pada 19 September 2019 di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu, Sabah.
- Hamidah, A. B. (2014). Kepimpinan Rukun Tetangga: Satu kajian kes di kawasan Rukun Tetangga Kampung Malaysia Raya, Cheras, Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Statistik Jenayah Malaysia 2019*. Diperoleh <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=OWZSTkRPbGxwREpFbjRjZ2w1OUVGUT09>.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2020). JPPRT Perkasakan Peranan Rukun Tetangga.
- Jabatan Perpaduan Negara. (1975). *Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1988*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Perpaduan Negara (2021). Pelan pemerkasaan kepimpinan komuniti Rukun Tetangga 2021-2030. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Majlis Daerah Tanjung Malim (2019). *Latar belakang Daerah Muallim*. Diperoleh <http://www.mdtm.gov.my/>
- Mohd Syariefuddin, A., Syed Salman al-Yahya, S.S., & Nur Azah, R. (2022). Keberkesanan strategi Rukun Tetangga (RT) dalam memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Tanjung Malim Perak. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 3 (1), 143-154.
- Mohd Syariefudin, A., Mansor, M.N., Ahmad Rizal, M. Y., Faridah, C.H. (2017). Social cohesion in Rukun Tetangga in Hulu Langat, Selangor, Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue 2, 057-072.
- Mohd Syariefudin, A., Mazdi, M., Mohamad Marzuqi, A.R., Muhammad Akramin, K.Z., & Khairul Ghufrin, K. (2020). Penubuhan Rukun Tetangga (RT) di Malaysia daripada perspektif Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6(1), 99-111.
- Nur Hidayah, A.M., Zurinah, T., Jalaluddin, A.M. (2020). Faktor pemilihan permahan komuniti berpagar dan kepentingan Rukun Tetangga dalam pencegahan jenayah. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(8), 234-245.

- Nur Qurratul' Aini, I., Kamarudin, N., & Jamaludin, M. (2018). Pelaksanaan dan pencapaian program Kepolisian Komuniti di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 21(9), 89-104.
- Vasco, L. (2018). *Neighbourhood watch in a digital age: Between crime control and culture of control*. London: Palgrave Macmillan.
- Wan Zumaiza, W.M., Sarjit, S.G., & Ismi Arif, I. (2016). Penglibatan Jiran Muda dalam aktiviti Rukun Tetangga di daerah Hulu Langat, Selangor. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 14, 257-272.